



PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG
PARAS 22
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG



Tel: 04 - 650 5211 (Pejabat Am)
Faks: 04 - 2619588
Laman Web: <http://ptg.penang.gov.my>

Rujukan Kami : PTG/PP/AUD/206 (43)
Tarikh : 07 April 2022

SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN PULAU PINANG BILANGAN 6/2022 . GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGGUNAAN TANAH KATEGORI PERTANIAN DAN BANGUNAN UNTUK TUJUAN LADANG SOLAR

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bilangan 2/2022 pada 12.1.2022 telah meluluskan Kertas Bilangan 73/2022 bertajuk 'Cadangan Pengurusan Permohonan Penggunaan Tanah Kategori Pertanian Dan Bangunan Untuk Tujuan Ladang Solar'. Kertas tersebut disediakan susulan daripada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Pulau Pinang Bilangan 12/2021 pada 8.12.2021 yang telah meluluskan 'Garis Panduan Perancangan Ladang Solar Negeri Pulau Pinang' yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Pulau Pinang.

3. Semua Pentadbir Tanah diminta mengambil maklum bahawa kod kewangan bagi tujuan fi permohonan adalah '72454' dan bayaran tahunan permit adalah '73605'. Bagi tujuan rekod, semua Pentadbir Tanah hendaklah menyimpan satu salinan permit yang dikeluarkan dalam fail JOPA dan membuat endorsan dalam dokumen hakmilik setelah sistem e-Tanah ditambah baik bagi tujuan tersebut.

4. Bersama ini dikepilkan Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Pulau Pinang Bilangan 6/2022 sebagai panduan kepada pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan mengenai tatacara pengurusan permohonan penggunaan tanah kategori pertanian dan bangunan untuk tujuan ladang solar di Negeri Pulau Pinang.

5. Sehubungan dengan itu, semua Pentadbir Tanah adalah diminta mengambil tindakan sewajarnya dalam mematuhi Pekeliling ini. Segala perhatian pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan dalam hal ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

...2/-


SILA SEBUTKAN NO. RUJUKAN PEJABAT INI APABILA MENJAWAB

**CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS
KE ARAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN TANAH**

Rujukan Kami : PTG/PP/AUD/206 (43)

**'WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030'
'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS'**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI ZULKIFLI BIN LONG)
Pengarah Tanah dan Galian
Pulau Pinang

e.d. Timbalan Pengarah (Perancangan dan Pembangunan)

Timbalan Pengarah (Pendaftaran dan Hasil)

Ketua Unit Hakmilik Strata

Ketua Unit Pembangunan

Ketua Unit Pendaftaran Hakmilik

Ketua Unit Teknologi Maklumat

Ketua Unit Penguatkuasaan dan Teknikal

Ketua Unit Khidmat Pengurusan

Ketua Unit Perundangan

Ketua Unit Audit Pengurusan

Ketua Unit Hasil

SENARAI EDARAN

1. Pentadbir Tanah Daerah Timur Laut
Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut
Tingkat 50 dan 51, KOMTAR
10000 George Town
Pulau Pinang
2. Pentadbir Tanah Seberang Perai Tengah
Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah
Jalan Betek, Sungai Rambai
14000 Bukit Mertajam
Pulau Pinang
3. Pentadbir Tanah Daerah Seberang Perai Utara
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara
Bertam, 13200 Kepala Batas
Pulau Pinang
4. Pentadbir Tanah Daerah Seberang Perai Selatan
Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan
14200 Sungai Jawi
Pulau Pinang
5. Pentadbir Tanah Daerah Barat Daya
Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya
11000 Balik Pulau
Pulau Pinang
6. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Pulau Pinang
Tingkat 17, KOMTAR
10675 Pulau Pinang
7. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Seberang Perai
Menara Bandaraya
Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam
Pulau Pinang
8. Pengarah
Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang
Tingkat 57, KOMTAR
10000 Pulau Pinang

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN PULAU PINANG
BILANGAN 6/2022**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGGUNAAN TANAH
KATEGORI PERTANIAN DAN BANGUNAN
UNTUK TUJUAN LADANG SOLAR**

1. TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan sebagai panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di Negeri Pulau Pinang mengenai tatacara pengurusan permohonan penggunaan tanah kategori pertanian dan bangunan untuk tujuan ladang solar.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bilangan 2/2022 (MMK) pada 12.1.2022 telah meluluskan Kertas Bilangan 73/2022 bertajuk 'Cadangan Pengurusan Permohonan Penggunaan Tanah Kategori Pertanian Dan Bangunan Untuk Tujuan Ladang Solar'.

2.2 Kertas Bilangan 73/2022 di atas disediakan susulan daripada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Pulau Pinang Bilangan 12/2021 pada 8.12.2021 yang telah meluluskan 'Garis Panduan Perancangan Ladang Solar Negeri Pulau Pinang' (GPPLSNPP) yang

disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Pulau Pinang.

3. PENGENALAN

- 3.1 Tenaga solar merupakan salah satu sumber tenaga boleh baharu (renewable resources) seperti yang dinyatakan dalam Jadual di bawah *Renewable Energy Act 2011* (Akta 725) menggunakan terma '*solar photovoltaic*'. Terma '*photovoltaic*' merupakan gabungan perkataan '*photo*' yang bermaksud cahaya dan '*voltaic*' yang merujuk kepada menghasilkan elektrik. Oleh itu, proses '*photovoltaic*' adalah menghasilkan elektrik terus daripada cahaya matahari.
- 3.2 Berdasarkan peruntukan dalam Kanun Tanah Negara (KTN), pemajuan ladang solar adalah tertakluk di bawah tanah berkategori perindustrian kerana ia merupakan satu bentuk pengeluaran dan penyebaran kuasa berdasarkan kepada tenaga elektrik yang dihasilkan.
- 3.3 Seksyen 115 dan 116 di bawah KTN merujuk kepada syarat-syarat tersirat bagi tanah kategori pertanian dan bangunan. Secara umumnya, kandungan kedua-dua Seksyen ini memerlukan penggunaan tanah yang mempunyai kaitan dengan pertanian dan bangunan.

3.4 Walau bagaimanapun, di dalam subseksyen (4)(g) bagi kedua-dua Seksyen 115 dan 116 KTN ini seolah-olah memberikan kelonggaran kepada PBN untuk membenarkan penggunaan tanah kategori pertanian dan bangunan untuk maksud penggunaan selain daripada pertanian dan bangunan dalam keadaan-keadaan tertentu yang difikirkan sesuai.

3.5 Merujuk kepada GPPLSNPP, berikut adalah beberapa perkara mustahak berkaitan pentadbiran tanah:

3.5.1 pembangunan ladang solar tidak melibatkan perubahan kepada zon guna tanah sedia ada dan dikategorikan sebagai aktiviti sokongan kepada mana-mana guna tanah utama.

3.5.2 pembangunan ladang solar adalah aktiviti kegunaan tanah sementara (temporary use of land) yang mempunyai tempoh tamat dan tertakluk kepada tempoh masa maksimum 21 tahun.

3.5.3 setelah tempoh tamat, aktiviti sedia ada perlu dilupuskan dan kegunaan tanah perlu kembali kepada status asal melainkan permohonan baru dikemukakan.

4. PRINSIP PENGURUSAN PERMOHONAN

4.1 Kuasa Untuk Memutuskan Permohonan

- 4.1.1 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah (PTD) daerah yang terlibat oleh pemilik mana-mana tanah, penyewa (dibuktikan melalui perjanjian sewaan) / pemajak / pemajak kecil (endorsan dalam hakmilik) atau pemegang surat kuasa wakil (yang telah difailkan di Pejabat Tanah).
- 4.1.2 Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Pekeliling ini, setiap permohonan yang dikemukakan (termasuk permohonan rayuan) hendaklah dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri Pulau Pinang (MJTN) untuk perakuan dan seterusnya PBN untuk keputusan.
- 4.1.3 PBN boleh meluluskan permohonan yang dikemukakan dengan membenarkan pengeluaran suatu permit bagi maksud penggunaan tanah kategori pertanian dan bangunan untuk tujuan ladang solar.

4.2 Syarat Penerimaan Permohonan

4.2.1 Permohonan tidak boleh diproses melainkan:

- i. pemohon telah mendapatkan kelulusan yang perlu daripada mana-mana pihak berkuasa perancang (PBP) yang berkaitan terlebih dahulu; dan
- ii. bahawa tiada item hasil tanah masih terhutang/tertunggak berkenaan dengan tanah itu.

4.3 Permohonan Untuk Kelulusan

4.3.1 Setiap permohonan untuk sesuatu permit hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada PTD melalui borang di **Lampiran A** dan hendaklah disertai dengan:

- i. fi permohonan RM500.00 bagi setiap hakmilik yang terlibat;
- ii. butir-butir lanjut mengenai ladang solar yang akan dibangunkan dan suatu pelan mengenainya sebagaimana yang telah diluluskan oleh PBP yang berkaitan;

- iii. persetujuan bertulis daripada setiap orang/badan yang mempunyai kepentingan berdaftar di atas tanah berkenaan termasuk penyewa yang dikecualikan daripada pendaftaran (sekiranya berkaitan); dan
- iv. dokumen-dokumen lain yang dinyatakan dalam borang di Lampiran A. Sekiranya perlu, PTD boleh meminta pemohon mengemukakan dokumen tambahan selain daripada yang dinyatakan dalam borang di Lampiran A, tertakluk kepada fakta sesuatu permohonan.

4.4 Pengeluaran Permit Apabila Diluluskan

- 4.4.1 Apabila permohonan diluluskan, PTD akan mengeluarkan suatu permit bagi tempoh tidak melebihi 21 tahun melalui borang di **Lampiran B**.
- 4.4.2 Setiap permit yang dikeluarkan tertakluk kepada pemohon:
 - i. menjelaskan segala bayaran kelulusan yang ditetapkan; dan
 - ii. mematuhi segala terma dan syarat yang dinyatakan dalam surat kelulusan (jika ada).

- 4.4.3 PTD hendaklah menyenggara rekod permit yang dikeluarkan dalam borang di **Lampiran C**.
- 4.4.4 Setiap permit yang dikeluarkan tidak boleh diserahkan, kecuali dengan kelulusan PBN terlebih dahulu. Permohonan penyerahhakan hendaklah dibuat kepada PTD dalam borang di **Lampiran D** dan hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan, sebagaimana fi permohonan permit (RM500.00).
- 4.4.5 Setiap permit yang dikeluarkan hendaklah, disifatkan sebagai ditamatkan/dibatalkan pada kematian pemegang permit, atau pembubaran badan (kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 416 KTN).
- 4.4.6 Selepas tamat tempoh maksimum 21 tahun, keperluan sama ada projek ladang solar boleh diteruskan atau tidak adalah tertakluk kepada dasar yang ditetapkan PBP. Sekiranya terdapat permohonan selepas tempoh 21 tahun, PTD hendaklah mengemukakanannya bagi pertimbangan MJTN dan PBN.

4.5 Bayaran Kelulusan Permohonan Dan Bayaran Tahunan Permit

- 4.5.1 Bayaran kelulusan bagi setiap permohonan (yang juga merupakan bayaran permit bagi tahun pertama) adalah RM0.65 per meter persegi atau sebahagian daripadanya (tertakluk kepada keluasan yang digunakan). Sekiranya tarikh surat kelulusan yang dikeluarkan oleh PTD adalah selepas 30 haribulan September dalam tahun itu, bayaran tersebut merangkumi bagi tahun berikutnya.
- 4.5.2 Bayaran kelulusan permohonan hendaklah dibayar secara sekaligus (lump sum) dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan oleh PTD.
- 4.5.3 Sekiranya bayaran sedemikian tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan, kelulusan PBN untuk permohonan tersebut hendaklah dengan itu luput. Tiada rayuan/permohonan kelulusan semula dibenarkan bagi kelulusan yang telah luput. Apabila kelulusan telah luput, permohonan baru perlulah dikemukakan kepada PTD, sekiranya pemohon berkehendakkan kelulusan bagi tapak yang berkaitan.

- 4.5.4 Bayaran permit hendaklah dibayar setiap tahun (tertakluk kepada tempoh yang diluluskan) bagi tempoh maksimum 21 tahun.
- 4.5.5 Bayaran tahunan permit bagi tahun-tahun berikutnya hendaklah dijelaskan dalam tempoh 3 bulan sebelum atau pada 31 haribulan Disember tahun semasa.
- 4.5.6 Bayaran denda lewat akan dikenakan sebanyak 10% daripada bayaran permit (bermula 1 haribulan Januari tahun berikutnya). Tarikh yang diguna pakai bagi menentukan bayaran denda yang dikenakan adalah tarikh bayaran permit dikemukakan. Sekiranya bayaran tahunan permit tidak dibuat dalam tempoh 3 bulan yang dinyatakan di atas, tindakan penguatkuasaan boleh diambil di bawah KTN.

4.6 Permohonan Rayuan

- 4.6.1 Rayuan terbahagi kepada 2 keadaan:
- i. rayuan keputusan; dan
 - ii. rayuan bayaran.

4.6.2 Fi bagi permohonan rayuan adalah RM2,000.00 bagi setiap permit.

4.6.3 Rayuan keputusan:

- i. adalah dibenarkan untuk sekali sahaja (rayuan kali pertama sahaja);
- ii. hendaklah dipohon dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan oleh PTD; dan
- iii. bagi kali kedua dan seterusnya; dan yang dikemukakan melepasi tempoh 3 bulan seperti yang dinyatakan di perenggan 4.6.3(ii) di atas, PTD hendaklah tidak menerima permohonan rayuan tersebut.

4.6.4 Rayuan bayaran:

- i. merangkumi rayuan bagi pelanjutan tempoh bayaran, pengurangan bayaran, pembayaran secara ansuran atau mana-mana aspek berkaitan bayaran; dan
- ii. tidak perlu dikemukakan bagi pertimbangan MJTN. PTD diberi perwakilan kuasa untuk

memutuskan 'menolak' sebarang permohonan rayuan bayaran.

4.7 Memorial Dalam Dokumen Hakmilik

4.7.1 PTD/Pendaftar Hakmilik hendaklah membuat catatan di dalam dokumen-dokumen hakmilik daftar (DHD) dan keluaran (DHK) yang menyatakan tarikh dan kuasa yang membuat catatan, tempoh kelulusan dan syarat-syarat yang dikenakan oleh PBN.

4.7.2 Tindakan catatan dalam DHD dan DHK hanya akan dibuat setelah pemohon menjelaskan keseluruhan bayaran kelulusan yang dikenakan. Pemohon dikehendaki mengemukakan DHK bagi tapak yang dipohon bagi tujuan ini.

4.7.3 PTD hendaklah mengembalikan DHK kepada pemilik atau mana-mana orang yang daripadanya DHK itu diperoleh dan penerimaannya hendaklah diperakukan.

4.7.4 Kandungan endorsan dalam DHD dan DHK adalah seperti berikut:

*Permit untuk tujuan ladang solar di bawah Seksyen *115(4)(g)/116(4)(g) Kanun Tanah Negara telah dikeluarkan pada bagi menggunakan*

**keseluruhan/sebahagian tanah seluas
meter persegi/ekar/hektar.

**Pilih mengikut kesesuaian.*

4.7.5 Borang-borang untuk endorsan selepas kelulusan dan pembatalan endorsan dalam dokumen hakmilik adalah di **Lampiran E** dan **Lampiran F**.

4.8 Tindakan Penguatkuasaan

4.8.1 Tindakan penguatkuasaan boleh diambil di bawah KTN sekiranya:

- i. tiada permit bagi ladang solar yang dibangunkan di atas tanah kategori pertanian dan bangunan;
- ii. pemohon gagal untuk menjelaskan bayaran tahunan permit yang ditetapkan; atau
- iii. terdapat pelanggaran mana-mana syarat permit, syarat PBP/jabatan teknikal yang berkaitan, atau bercanggah dengan mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa berkaitan pentadbiran tanah.

4.8.2 PBN boleh membatalkan mana-mana permit dengan serta-merta, atau pada bila-bila masa selepas, berlakunya pelanggaran mana-mana

terma atau syarat dengan mana permit itu tertakluk tanpa bayaran apa-apa pampasan.

4.9 Penyediaan Kertas Pertimbangan

- 4.9.1 Penyediaan kertas pertimbangan MJTN adalah sepertimana kehendak Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bilangan 1/2022 bertajuk Garis Panduan Penyediaan Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri Pulau Pinang, setakat mana yang berkaitan dan melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Pekeliling ini.
- 4.9.2 PTD hendaklah menyediakan kertas pertimbangan MJTN dalam tempoh 2 bulan (bagi permohonan mendapatkan permit) dan 1 bulan (bagi permohonan rayuan (keputusan)) dari tarikh permohonan dikemukakan.
- 4.9.3 PTD tidak perlu merujuk kepada jabatan teknikal untuk ulasan dalam menyediakan kertas pertimbangan MJTN memandangkan permohonan yang dikemukakan telah mendapat kelulusan daripada PBP, melainkan PTD berpandangan (mengikut fakta sesuatu permohonan), terdapat keperluan untuk merujuk mana-mana jabatan teknikal untuk ulasan.

4.9.4 Sekiranya tanah bagi tujuan pembangunan ladang solar terlibat dengan Akta Pemuliharaan Tanah 1960, Akta Kawasan Pengairan 1953 atau sebarang undang-undang lain yang memerlukan tanah tersebut dikeluarkan daripada warta tertentu sebelum sebarang pembangunan/pemajuan dilaksanakan, permohonan boleh dikemukakan secara bersekali/serentak kepada PTD dengan menyertakan borang-borang/dokumen-dokumen dan fi yang berkaitan. PTD hendaklah menyediakan satu kertas pertimbangan yang mengandungi kesemua permohonan di atas berkaitan tapak yang sama untuk dibentangkan dalam MJTN.

4.9.5 Panduan ringkas penyediaan kertas pertimbangan MJTN dinyatakan di **perenggan 2, Lampiran G**.

4.10 Perkara-Perkara Lain Untuk Perhatian

4.10.1 Pembangunan ladang solar di peringkat perancangan tidak melibatkan perubahan kepada zon guna tanah sedia ada. Sehubungan dengan itu, bagi tujuan pentadbiran tanah, pemilik tanah tidak perlu mengemukakan permohonan mengubah kategori penggunaan tanah pertanian atau bangunan kepada perindustrian.

- 4.10.2 Penggunaan tanah kategori pertanian dan bangunan untuk tujuan ladang solar hanya akan dibenarkan sekiranya permohonan tersebut telah mendapat kelulusan kebenaran merancang atau kelulusan yang sewajarnya daripada PBP yang berkaitan. Ini bermakna kelulusan daripada PBP merupakan prasyarat bagi memproses permohonan ladang solar di peringkat pentadbiran tanah.
- 4.10.3 Cukai tanah hendaklah dibayar sepertimana kebiasaan (mengikut kadar cukai dalam dokumen hakmilik).
- 4.10.4 Bagi tujuan ulasan di peringkat Jawatankuasa OSC PBP yang berkaitan untuk permohonan kebenaran merancang bagi cadangan pemajuan ladang solar di atas tanah berkategori pertanian dan bangunan, Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan PTD yang berkaitan boleh memberikan ulasan '... tiada halangan tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan pemohon membayar segala bayaran yang telah ditetapkan oleh PBN serta mematuhi segala syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Pulau Pinang Bilangan 6/2022'.


- 4.10.5 Sekiranya terdapat beberapa hakmilik yang terlibat dan di antaranya terdapat tanah kategori perindustrian, permit yang dikeluarkan adalah bagi tanah kategori bangunan dan pertanian sahaja.
- 4.10.6 Sekiranya berlaku perubahan keluasan atau butiran lain (selepas kelulusan yang diberikan oleh PBN) dan perubahan tersebut juga tidak terkandung dalam kelulusan asal oleh PBP, pemohon adalah dikehendaki mengemukakan permohonan baru yang mengandungi butiran perubahan tersebut.
- 4.10.7 Tatacara ringkas pengurusan permohonan penggunaan tanah kategori pertanian dan bangunan untuk tujuan ladang solar adalah di **Lampiran G**.
- 4.10.8 Carta aliran kerja permohonan adalah di **Lampiran H**.

5. TARIKH KUAT KUASA PEKELILING

- 5.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.
- 5.2 Bagi mana-mana ladang solar yang sedang beroperasi atau sedang dibangunkan di atas tanah kategori pertanian atau

bangunan semasa Pekeliling ini dikeluarkan, pemilik tanah atau pihak yang berkaitan adalah dikehendaki mengemukakan permohonan kepada PTD dalam tempoh 6 bulan dari tarikh Pekeliling ini berkuatkuasa.

- 5.3 Kegagalan berbuat demikian dalam tempoh yang dinyatakan boleh menyebabkan tindakan penguatkuasaan diambil terhadap pemilik tanah.



.....
(DATO' HAJI ZULKIFLI BIN LONG)

Pengarah Tanah dan Galian

Pulau Pinang

Tarikh: 07-04-2022.

**PERMOHONAN PERMIT PENGGUNAAN TANAH PERTANIAN DAN BANGUNAN
UNTUK TUJUAN LADANG SOLAR**

Nama :
No. K.P./Pendaftaran :
Syarikat/Persatuan :
Alamat :
No. Telefon :
Email :

Pentadbir Tanah Daerah

Tuan,

Saya/Kami yang beralamat di atas berhasrat untuk memohon permit tersebut di atas bagi membolehkan kami membangunkan ladang solar di atas sebahagian/keseluruhan lot tanah kategori pertanian/bangunan milik saya/kami seperti di bawah dan saya/kami bersedia mematuhi apa jua syarat yang akan dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri ke atas kelulusan permohonan ini.

2. Maklumat lanjut tanah saya/kami adalah seperti di bawah:

- (a) No.Lot :
- (b) Bandar/Pekan/Mukim :
- (c) Daerah :
- (d) No. Hakmilik :
- (e) Keluasan tanah yang dimohon : *meter
persegi/ekar/hektar

3. Bersama-sama ini saya/kami sertakan:

- i. 1 salinan surat kelulusan oleh pihak berkuasa perancang (PBP);
- ii. 2 salinan pelan yang diluluskan oleh PBP;
- iii. 2 salinan hakmilik;
- iv. Sijil carian rasmi;
- v. 1 salinan resit cukai tanah tahun semasa;
- vi. 2 salinan Surat Kuasa Wakil (*Power Of Attorney*) / Perjanjian Sewaan (jika berkaitan);
- vii. 2 salinan surat persetujuan bertulis daripada semua pihak berkepentingan atas tanah, termasuk penyewa yang dikecualikan daripada pendaftaran (jika berkaitan); dan
- viii. *fi permohonan sebanyak RM500.00 / fi permohonan rayuan sebanyak RM2,000.00.

Sekian.

.....
Nama:
Tarikh:

**Potong mengikut kesesuaian*

**PERMIT PENGGUNAAN TANAH PERTANIAN DAN BANGUNAN
UNTUK TUJUAN LADANG SOLAR**

Untuk tempoh tahun. Bermula pada hb. 20.....
tamat tempoh pada hb. 20.....

Nama Pemegang Permit:

No. K.P./Pendaftaran Syarikat/Persatuan:

Alamat:

dengan ini dibenarkan untuk menggunakan *keseluruhan/sebahagian tanah yang diperihalkan di bawah ini dan yang ditunjukkan dalam pelan untuk tujuan ladang solar sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi tempoh tahun tertakluk kepada syarat-syarat di bawah ini dan kepada peruntukan yang ditetapkan oleh undang-undang dan pekeliling yang berkaitan. Bayaran yang kena dibayar sebanyak RM setiap tahun hendaklah dibayar tidak lewat dari haribulan dalam bulan tahun semasa bagi tahun berikutnya.

Dikeluarkan pada haribulan 20.....

.....
Pentadbir Tanah

Daerah

PERIHAL TANAH

- (a) No.Lot :
- (b) Bandar/Pekan/Mukim :
- (c) Daerah :
- (d) No. Hakmilik :
- (e) Keluasan tanah: *meter persegi/ekar/hektar (*Pelan di sebelah)

**Potong mengikut kesesuaian*

SYARAT-SYARAT

1. Bahagian tanah ini hendaklah digunakan untuk tujuan ladang solar.
2. Bayaran permit hendaklah dibayar setiap tahun bagi tempoh maksimum 21 tahun.
3. Bayaran tahunan permit hendaklah dijelaskan dalam tempoh 3 bulan sebelum atau pada 31 haribulan Disember tahun semasa bagi permit tahun berikutnya. Ini bermaksud bayaran permit bagi tahun hadapan/akan datang hendaklah diselesaikan dalam tahun semasa mengikut tempoh yang dinyatakan di atas.
4. Bayaran denda lewat akan dikenakan sebanyak 10% daripada bayaran permit (bermula 1 haribulan Januari tahun berikutnya). Tarikh yang diguna pakai bagi menentukan bayaran denda yang dikenakan adalah tarikh bayaran permit dikemukakan.
5. Sekiranya bayaran tahunan permit tidak dibuat dalam tempoh 3 bulan yang dinyatakan di atas, tindakan penguatkuasaan boleh diambil di bawah Kanun Tanah Negara atau undang-undang lain yang berkaitan.
6. Permit ini tidak boleh diserahkan hak, kecuali dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu.

7. Permit ini hendaklah (kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 416 Kanun Tanah Negara) disifatkan sebagai ditamatkan/dibatalkan pada kematian pemegang permit, atau pembubaran badan.
8. Pihak Berkuasa Negeri berhak membatalkan mana-mana permit dengan serta-merta, atau pada bila-bila masa selepas, berlakunya pelanggaran mana-mana terma atau syarat dengan mana permit ini tertakluk tanpa bayaran apa-apa pampasan.

BAYARAN TAHUNAN PERMIT

1.	BAYARAN TAHUN PERTAMA / BAYARAN KELULUSAN* Fi: RM Cap Pejabat: Dibayar melalui no. resit Bagi tempoh tamat 31 Disember 20..... <i>* Sila ambil maklum sekiranya tarikh surat kelulusan yang dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah adalah selepas 30hb. September dalam tahun itu, bayaran tersebut merangkumi bagi tahun berikutnya.</i>		
2.	BAYARAN TAHUN KE-2 Fi: RM Dibayar melalui no. resit Bagi tempoh tamat 31 Disember 20..... Cap Pejabat:	3.	BAYARAN TAHUN KE-3 Fi: RM Dibayar melalui no. resit Bagi tempoh tamat 31 Disember 20..... Cap Pejabat:
4.	BAYARAN TAHUN KE-4 Fi RM Dibayar melalui no. resit Bagi tempoh tamat 31 Disember 20..... Cap Pejabat:	5.	BAYARAN TAHUN KE-5 Fi RM Dibayar melalui no. resit Bagi tempoh tamat 31 Disember 20..... Cap Pejabat:
6.	BAYARAN TAHUN KE-6 Fi RM Dibayar melalui no. resit Bagi tempoh tamat 31 Disember 20..... Cap Pejabat:	7.	BAYARAN TAHUN KE-7 Fi RM Dibayar melalui no. resit Bagi tempoh tamat 31 Disember 20..... Cap Pejabat:
8.	BAYARAN TAHUN KE-8 Fi RM Dibayar melalui no. resit Bagi tempoh tamat 31 Disember 20..... Cap Pejabat:	9.	BAYARAN TAHUN KE-9 Fi RM Dibayar melalui no. resit Bagi tempoh tamat 31 Disember 20..... Cap Pejabat:
10.	BAYARAN TAHUN KE-10 Fi RM Dibayar melalui no. resit Bagi tempoh tamat 31 Disember 20..... Cap Pejabat:	11.	BAYARAN TAHUN KE-11 Fi RM Dibayar melalui no. resit Bagi tempoh tamat 31 Disember 20..... Cap Pejabat:

12.	BAYARAN TAHUN KE-12 Fi RM Dibayar melalui no. resit Bagi tempoh tamat 31 Disember 20..... Cap Pejabat:	13.	BAYARAN TAHUN KE-13 Fi RM Dibayar melalui no. resit Bagi tempoh tamat 31 Disember 20..... Cap Pejabat:
14.	BAYARAN TAHUN KE-14 Fi RM Dibayar melalui no. resit Bagi tempoh tamat 31 Disember 20..... Cap Pejabat:	15.	BAYARAN TAHUN KE-15 Fi RM Dibayar melalui no. resit Bagi tempoh tamat 31 Disember 20..... Cap Pejabat:
16.	BAYARAN TAHUN KE-16 Fi RM Dibayar melalui no. resit Bagi tempoh tamat 31 Disember 20..... Cap Pejabat:	17.	BAYARAN TAHUN KE-17 Fi RM Dibayar melalui no. resit Bagi tempoh tamat 31 Disember 20..... Cap Pejabat:
18.	BAYARAN TAHUN KE-18 Fi RM Dibayar melalui no. resit Bagi tempoh tamat 31 Disember 20..... Cap Pejabat:	19.	BAYARAN TAHUN KE-19 Fi RM Dibayar melalui no. resit Bagi tempoh tamat 31 Disember 20..... Cap Pejabat:
20.	BAYARAN TAHUN KE-20 Fi RM Dibayar melalui no. resit Bagi tempoh tamat 31 Disember 20..... Cap Pejabat:	21.	BAYARAN TAHUN KE-21 Fi RM Dibayar melalui no. resit Bagi tempoh tamat 31 Disember 20..... Cap Pejabat:

**PERMOHONAN UNTUK PENYERAHHAKAN PERMIT PENGGUNAAN TANAH
PERTANIAN DAN BANGUNAN UNTUK TUJUAN LADANG SOLAR**

Nama :
 No. K.P./Pendaftaran :
 Syarikat/Persatuan :
 Alamat :
 No. Telefon :
 Email :

Pentadbir Tanah Daerah

Tuan,

Saya/Kami pemegang permit penggunaan tanah *pertanian/bangunan untuk tujuan ladang solar No. bagi Hakmilik No. No Lot Bandar/Pekan/Mukim Daerah ingin memohon kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri untuk menyerah hak permit tersebut kepada *Tuan/Puan/Tetuan

2. Bersama-sama ini dilampirkan Cek/Kiriman Wang No.: untuk jumlah RM500.00 sebagai fi pemprosesan bagi permohonan tersebut.

MAKLUMAT PENERIMA SERAH HAK

No.	Butiran	Pemohon	Suami/Isteri
i.	Nama:		
ii.	No. K.P.:		
iii.	Alamat:		
iv.	Umur:		
v.	Bangsa:		
vi.	Kewarganegaraan:		
vii.	Pekerjaan:		
viii.	Pendapatan (bulanan):		
ix.	Tanggungan:		
x.	Salinan K.P.:		
xi.	Lain-lain:		

Sebab penyerahhakan

.....

Bersama-sama ini disertakan surat kebenaran daripada waris dan rujukan lain yang berkaitan dengan permohonan ini.

Pengakuan:

Saya/Kami mengesahkan bahawa semua maklumat dan butiran yang diberikan di atas adalah benar dan betul. Saya/Kami faham bahawa jika ia didapati palsu, permohonan saya/kami akan ditolak tanpa sebarang penjelasan.

Pemohon:

Saksi:

.....
(Tandatangan)

.....
(Tandatangan)

Nama:

Nama:

No. K.P./ :

No. K.P.:

Pendaftaran

Syarikat/ Persatuan

Tarikh:

Tarikh:

**MEMORANDUM PENGENAAN SYARAT
DI BAWAH SEKSYEN 115(4)(g) dan 116(4)(g)
KANUN TANAH NEGARA DALAM DOKUMEN HAKMILIK DAFTAR**

Di atas permohonan *pemilik/pemilik-pemilik bersama tanah yang dipegang di bawah Hakmilik No. No Lot *Bandar/Pekan/Mukim Daerah meliputi kawasan seluas *hektar/meter persegi, Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan pengenaan syarat nyata 'Ladang Solar' bermula dari dan tamat tempoh pada di *keseluruhan/sebahagian tanah seluas seperti ditunjukkan dalam pelan yang dilampirkan tertakluk kepada bayaran RM setiap tahun.

Saya selaku Pentadbir Tanah, setelah menerima bayaran seperti yang dinyatakan di atas dengan ini meminta supaya endorsan dibuat pada dokumen hakmilik mengikut kelulusan di atas.

Tarikh :

(L.S.)

.....
Pentadbir Tanah

Daerah

UNTUK KEGUNAAN PENDAFTAR/PENTADBIR TANAH

Endorsan telah dibuat di atas dokumen hakmilik daftaran pada haribulan 20.....

.....
Pendaftar/Pentadbir Tanah

Daerah

**Potong mengikut kesesuaian*

LAMPIRAN F

PEMBATALAN NOTA MEMORANDUM PENGENAAN SYARAT DI BAWAH SEKSYEN 115(4)(g) dan 116(4)(g) KANUN TANAH NEGARA DALAM DOKUMEN HAKMILIK DAFTAR

Pendaftar Hakmilik,
Pulau Pinang

Kelulusan pengenaan syarat di bawah *Seksyen 115(4)(g) dan *Seksyen 116(4)(g) Kanun Tanah Negara yang diperihalkan di bawah telah *ditolak / ditarik balik pada haribulan 20.....

Bandar / Pekan / Mukim	Lot / Parcel / L.O. No	Perihal dan No. Hakmilik	Nama Pemilik/Pemilik-Pemilik

Sila batalkan nota kelulusan pada Dokumen Hakmilik Daftar.

Tarikh :

(L.S.)

.....
Pentadbir Tanah

Daerah

Pentadbir Tanah,

Tindakan telah diambil untuk membatalkan nota memorandum pengenaan syarat pada Dokumen Hakmilik Daftar seperti yang diminta.

Tarikh :

(L.S.)

.....
Pendaftar Hakmilik

**Potong mengikut kesesuaian*

TATACARA RINGKAS PENGURUSAN PERMOHONAN PENGGUNAAN TANAH KATEGORI PERTANIAN DAN BANGUNAN UNTUK TUJUAN LADANG SOLAR

1. Penerimaan Permohonan
 - 1.1 Pentadbir Tanah (PTD) hendaklah memastikan setiap permohonan yang diterima lengkap dan disemak dengan sebaiknya bagi memastikan kepatuhan berdasarkan Kanun Tanah Negara (KTN), Kaedah-Kaedah Tanah Negeri Pulau Pinang 2021, Pekeliling ini dan mana-mana peruntukan undang-undang lain yang berkaitan.
 - 1.2 Laporan tanah hendaklah disediakan oleh Penolong Pegawai Tanah (Pegawai Petempatan) bagi setiap permohonan yang dikemukakan dan 'charting' juga hendaklah dibuat di atas syit piawai.
2. Penyediaan Kertas Pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri (MJTN)
 - 2.1 Penyediaan kertas pertimbangan MJTN adalah sepertimana kehendak Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bilangan 1/2022 bertajuk Garis Panduan Penyediaan Kertas Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri Pulau Pinang, setakat mana yang berkaitan dan melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Pekeliling ini.
 - 2.2 Setiap kertas pertimbangan hendaklah mengandungi 'Kertas Ringkasan' dan 'Kertas Penuh'.
 - 2.3 Tajuk permohonan adalah seperti berikut:

PERMOHONAN PERMIT PENGGUNAAN TANAH KATEGORI *PERTANIAN/BANGUNAN BAGI (MAKLUMAT TAPAK YANG DIPOHON), (MUKIM/SEKSYEN/BANDAR), (DAERAH), PULAU PINANG SELUAS (DINYATAKAN KELUASAN TAPAK YANG DIPOHON) UNTUK TUJUAN LADANG SOLAR DARIPADA (DINYATAKAN NAMA PEMOHON)
 - 2.4 Perenggan 'Latar Belakang' dalam kertas pertimbangan hendaklah mengandungi maklumat berikut:
 - 2.4.1 maklumat berkaitan kelulusan yang perlu daripada mana-mana pihak berkuasa perancang (PBP) mengenai ladang solar yang akan dibangunkan. Ini sebagaimana biasa yang dinyatakan dalam permohonan penyerahan balik dan pemberimilikan semula (204D) dan permohonan pecah sempadan. Contohnya: Kebenaran merancang bagi pembangunan ladang solar di tapak ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa OSC Majlis Bandaraya xxxx no. rujukan: xxxx pada x.x.2021;
 - 2.4.2 sama ada ia melibatkan *keseluruhan/sebahagian tanah; dan
 - 2.4.3 sekiranya permohonan dikemukakan oleh selain daripada tuan tanah, dinyatakan status pemohon sama ada penyewa (dibuktikan melalui perjanjian sewaan) / pemajak / pemajak kecil (endorsan dalam hakmilik) atau pemegang surat kuasa wakil (Power of


Attorney) (yang telah difailkan oleh Pendaftar).

- 2.5 Perenggan 'Peruntukan' dinyatakan sama ada *Seksyen 115(4)(g)/Seksyen 116(4)(g) Kanun Tanah Negara (KTN); yang mana berkaitan.
- 2.6 Perenggan 'Perihal Tanah' hendaklah dinyatakan dalam kertas pertimbangan sepertimana biasa.
- 2.7 Perenggan 'Butiran Hakmilik' hendaklah dinyatakan dalam kertas pertimbangan dan disediakan dalam format Lampiran.
- 2.8 Perenggan 'Ulasan Jabatan Teknikal' tidak perlu dimasukkan dalam kertas pertimbangan melainkan Pentadbir Tanah berpandangan (mengikut fakta sesuatu permohonan), terdapat keperluan untuk merujuk mana-mana jabatan teknikal untuk ulasan.
- 2.9 Perenggan 'Ulasan Pentadbir Tanah' hendaklah mengandungi, antara lain maklumat berikut:
 - 2.9.1 sama ada permohonan teratur atau tidak;
 - 2.9.2 bahawa tiada item hasil tanah masih terhutang/tertunggak berkenaan dengan tanah itu;
 - 2.9.3 sekiranya berkaitan, persetujuan bertulis daripada setiap orang/badan yang mempunyai kepentingan berdaftar di atas tanah berkenaan termasuk penyewa yang dikecualikan daripada pendaftaran; dan
 - 2.9.4 sekiranya permohonan dibuat oleh seseorang yang merupakan pemegang surat kuasa wakil (*Power of Attorney*) kenyataan bahawa keperluan di bawah Seksyen 157A KTN telah dipatuhi.
- 2.10 Perenggan 'Perakuan Pentadbir Tanah' hendaklah mengandungi, antara lain kiraan bayaran permit yang perlu dibayar oleh pemohon.
- 2.11 Kertas pertimbangan MJTN yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Urus setia MJTN di Unit Pembangunan, Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang (PTG) sebanyak 15 salinan berserta salinan dokumen-dokumen seperti berikut:
 - 2.11.1 1 salinan surat kelulusan oleh PBP;
 - 2.11.2 2 salinan pelan yang telah diluluskan oleh PBP;
 - 2.11.3 1 salinan sijil carian rasmi;
 - 2.11.4 1 salinan Surat Kuasa Wakil (*Power Of Attorney*)/perjanjian sewaan (jika berkaitan); dan
 - 2.11.5 1 salinan surat persetujuan bertulis daripada semua pihak berkepentingan atas tanah, termasuk penyewa yang dikecualikan daripada pendaftaran (jika berkaitan).

3. Penyediaan Kertas Pertimbangan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Dan Tindakan Selepasnya
 - 3.1 Penyediaan kertas pertimbangan MMK akan disediakan oleh Unit Pembangunan, PTG.
 - 3.2 PTG akan mengemukakan surat keputusan kepada PTD dan surat pemakluman bahawa permohonan telah diputuskan oleh PBN kepada pemohon.
 - 3.3 Tindakan oleh PTD:
 - 3.3.1 pemakluman keputusan PBN kepada pemohon setelah menerima surat keputusan daripada PTG.
 - 3.3.2 sekiranya permohonan diluluskan, pemohon dikehendaki menjelaskan bayaran kelulusan yang ditetapkan dan setelah itu, PTD dikehendaki mengeluarkan permit.
 - 3.3.3 PTD/Pendaftar Hakmilik hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya berhubung dengan catatan di dalam dokumen-dokumen hakmilik daftar (DHD) dan keluaran (DHK) dan selepas catatan dibuat. Pemohon dikehendaki mengemukakan DHK bagi tujuan endorsan.
 - 3.3.4 Bagi tahun-tahun berikutnya, PTD hendaklah memastikan bahawa bayaran tahunan permit dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan dan jika terdapat sebarang pelanggaran syarat, PTD boleh mempertimbangkan tindakan penguatkuasaan dengan mengambil langkah yang sewajarnya.

**Pilih yang bersesuaian mengikut fakta sesuatu permohonan berdasarkan kategori tanah yang terlibat sama ada salah satu atau kombinasi kedua-duanya.*

CARTA ALIRAN KERJA PERMOHONAN PENGGUNAAN TANAH KATEGORI PERTANIAN DAN BANGUNAN UNTUK TUJUAN LADANG SOLAR



- i. PTD : Pentadbir Tanah Daerah
- ii. MJTN : Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri Pulau Pinang
- iii. PTG : Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang
- iv. MMMKN : Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- v. DHD : Dokumen Hakmilik Daftaran
- vi. DHK : Dokumen Hakmilik Keluaran